

Dr M dakwa kerajaan langgar janji

Isu pembatalan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor antara dibangkitkan

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam mendakwa kerajaan pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melanggar janji untuk meneruskan keputusan yang dibuat pentadbiran yang dipimpinnya sebelum ini.

Bekas Perdana Menteri itu secara terus terang meluahkan hubungannya yang agak tidak sekata dengan kerajaan sekarang yang berpunca daripada beberapa isu penting termasuk pembatalan cadangan projek pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor yang menghubungkan Malaysia dan Singapura.

Pada sidang akhbar yang memberi peluang kepada pemberita mengemukakan pelbagai soalan, beliau melahirkan rasa keeewa kerana banyak keputusan yang dibuat ketika pentadbirannya dibatalkan.

Dr Mahathir berkata beliau banyak bersabar dengan tindakan itu termasuk dakwaan kononnya pentadbiran beliau menghabiskan wang kerajaan sehingga tidak lagi dapat melaksanakan projek.

"Saya berdiam diri, saya tidak kata apa-apa. Tetapi apabila sesuatu yang merugikan berlaku, saya rasa saya akan gagal dalam tugas saya sebagai seorang warga negara biasa, sebagai seorang bekas Perdana Menteri, jika saya tidak memberi tumpuan kepada perkara ini," katanya.

Sidang akhbar itu pada awalnya diadakan untuk mengumumkan pengumuman satu forum keamanan 'Criminalise War - Stop World War Four' yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra di Kuala Lumpur pada 21 dan 22 Jun.

Seperti sifat biasanya, Dr Mahathir berkata beliau akan terus menyuarakan pendapat beliau di dalam dan diluar negara.

Ketika ditanya sama ada beliau menyesal berundur, Dr Mahathir berkata sukar untuk seseorang itu menjangkakan apa yang sebenarnya akan dilakukan oleh orang yang menggantinya.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada beliau menyesal menyerahkan kuasa kepada pengganti pilihannya Datuk

"Saya rasa saya ada hak untuk tegur. Masa ini saya menyokong kerajaan tetapi jika mereka melakukan apa yang saya lihat sebagai kesilapan dan tidak ada sesiapa yang mampu membantah, maka saya perlu menyuarakan pendapat"

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Ta di luar kawalan kita. Saya fikir saya membuat pilihan yang baik, tak tahulah. Jika saya memilih orang lainpun, perkara ini mungkin terjadi juga," katanya.

Dr Mahathir berkata apabila beliau membuat keputusan untuk berundur, beliau berjanji akan meninggalkan politik dan tidak akan mencampuri urusan kerajaan.

Sebagai balasan, katanya, kerajaan yang baru berjanji akan meneruskan beberapa projek besar tertentu yang diilhamkan ketika beliau menjadi Perdana Menteri.

"Tetapi kerajaan yang baru itu bukan saja tidak menepati janji, ia membatalkan banyak keputusan yang dibuat ketika pemimpin kerajaan yang baru itu masih dalam kerajaan," katanya.

Dalam kritikan paling hebatnya setakat ini terhadap perdana menteri sekarang, Dr Mahathir berkata: "Saya fikir akan menerima sedikit penghargaan, sebaliknya, saya diberitahu yang saya melaksanakan projek-pro-

jek mega dan menghabiskan semua wang dalam negara, dan kini semua orang tidak ada wang lagi."

"Jadi, keputusan tidak berpegang kepada janji bukan saya buat. Saya banyak bersabar berhubung perkara ini termasuk dakwaan saya menghabiskan semua wang kerajaan dan kerajaan menjadi mufلس," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau membuat janjinya kepada umum tetapi pemimpin baru kerajaan tidak berbuat demikian walaupun hakikatnya ialah kedua-dua pihak sudah membuat janji.

Katanya, ketika beliau menjadi Perdana Menteri, Abdullah bersetuju sepenuhnya dengan cadangan projek-projek berkenaan dan "saya berpendapat semua ini akan dilaksanakan."

Dalam kata-kata yang mententeramkan, Dr Mahathir berkata beliau faham sebenarnya bahawa pemimpin baru mahu membuat impak dalam tempoh mereka berkuasa dan bahawa caranya mungkin berubah.

"Tetapi apa yang dijalankan sebelumnya patutlah diteruskan semen-

tara perkara baru boleh diperkenalkan. Saya fikir saya mempunyai tanggungjawab untuk menunjukkan perkara salah yang dilakukan.

Dr Mahathir secara berselero berkata beliau melakukan banyak kesilapan ketika menjadi perdana menteri selama 22 tahun.

"Saya tolong naikkan ramai orang tetapi ada benimak belakang saya. Mungkin saya ada tabiat memilih orang yang silap.

"Tetapi saya berpendapat kerajaan sekarang mampu melaksanakan tugas dengan baik jika ia memilih untuk berbuat demikian.

"Caranya sudah tersedia tetapi jika mereka dipengaruhi oleh orang yang mempunyai agenda lain, itu saya tak dapat tolong."

"Mereka (dakwa) tidak boleh meneruskan projek sedangkan saya tahu benar bahawa kerajaan tidak pernah sekaya sekarang," katanya.

Dr Mahathir turut menafikan cakap-cakap bahawa beliau mungkin di belakang usaha untuk menyingkirkan penggantinya. - Bernama